

# Syor Tingkatan Enam tak perlu terikat peraturan

**Nilai:** Datuk Seri Anwar Ibrahim menyarankan, persekolahan Tingkatan Enam di negara ini, tidak seharusnya terikat sangat kepada peraturan, sebaliknya diberi sedikit kelonggaran walaupun berada di kawasan sekolah.

Perdana Menteri berkata, suasana Tingkatan Enam harus diubah kerana ia sebenarnya adalah pascasekolah seperti Matrikulasi berikutan sesi persekolahan berakhir pada Tingkatan Lima.

“Saya akan bawa ke Menteri Pendidikan, Fadhlina Sidek, supaya Tingkatan Enam itu tidak dilayan seperti sekolah, budaya, suasananya itu. Saya setuju sebab saya pun ikuti Tingkatan Enam.

“Tingkatan Enam, kita perlu tentukan kaedah supaya cara guru melayani (pelajar) dan suasana yang perlu diberi banyak ruang untuk mereka lebih bebas, berinteraksi dan tidak seperti pe-

raturan sekolah,” katanya.

Perdana Menteri berkata demikian ketika meluangkan masa kira-kira dua jam bersama hampir 3,000 pelajar universiti serta pelajar Tingkatan Enam bagi menjawab pelbagai persoalan dan cadangan pada Program Temu Anwar Negeri Sembilan di Universiti Sains Islam Malaysia (USIM), petang semalam.

## Tubuh hospital universiti

Anwar berkata, ramai pelajar Tingkatan Enam mengeluh mengenai peraturan dan budaya serta mengusulkan agar ia diubah pada sesi dialog sebelum ini.

Sementara itu, Perdana Menteri berkata, kerajaan mengambil maklum keperluan USIM untuk menubuhkan sebuah hospital universiti bagi kegunaan dalam latihan kepakaran pelajar perubatan.



Anwar menjawab pelbagai persoalan pada Program Temu Anwar bersama pelajar Negeri Sembilan di USIM, Nilai semalam. (Foto Hazreen Mohamad/BH)

Katanya, pertimbangan serta perbincangan dengan kepimpinan universiti serta Kementerian Pendidikan Tinggi (KPT) perlu dilakukan bagi menentukan perkara itu.

“Saya perlu pertimbangkan dengan kepemimpinan universiti dan KPT untuk menentukan perkara itu.

“Pelajar perubatan pada peringkat awal ini memang menumpang hospital lain tetapi perlu ada rencana untuk membina

hospital, latihan kepakaran itu harus diberikan keutamaan. Saya ambil maklum,” katanya.

Beliau berkata, selain itu kerajaan juga meneliti cadangan keperluan penambahan kolej kediaman di USIM yang menjadi antara permasalahan dibangkitkan pelajarinya, memandangkan ketika ini ada satu kediamari pelajar dengan kapasiti 20 peratus daripada 14,000.

Dalam pada itu Anwar turut menjelaskan kerajaan juga perlu

menumpukan kepada keperluan yang lebih penting seperti beberapa perumahan anggota tentera dan polis yang daif dan perlu diberi perhatian.

“Tahun depan kita tumpukan perumahan penjawat awam polis, tentera yang keadaannya daif. Masalah ini diwarisi berpuluh tahun. Kerajaan juga menambah RM2 bilion untuk Kementerian Pendidikan (KPM) bagi memperbaiki sekolah dan klinik desa,” katanya.